

Program tingkat upaya guna kecerdasan buatan dilancar

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg

SATU program nasional baru bagi meningkatkan keupayaan dan penggunaan kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI) di Singapura dilancarkan oleh Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF) semalam.

NRF akan melabur sekitar \$150 juta dalam lima tahun untuk inisiatif baru yang digelar AISG itu.

Program tersebut bertujuan membantu menangani masalah utama yang menjejaskan masyarakat dan industri, menurut Profesor Ho Teck Hua, pengerusi eksekutif AISG yang juga timbalan presiden penyelidikan dan teknologi di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Menurut beliau, masalah utama itu harus mempunyai matlamat yang boleh diukur seperti mengurangkan masa perjalanan kenderaan sebanyak 10 peratus, dan mempunyai kesan yang mendalam terhadap masyarakat.

Di bawah inisiatif itu, institusi penyelidikan yang berpangkalan di Singapura, syarikat *start-up* dan perniagaan yang berkaitan dengan AI juga akan mengusahakan projek kecil yang dapat memberi manfaat kepada pengguna dengan cepat, dan melabur dalam penyelidikan AI terkini.

Selain itu, satu kerjasama baru antara institusi penyelidikan dalam sains data yang dinamakan Konsortium Sains Data Singapura juga telah dilancarkan.

Konsortium itu yang melibatkan tiga universiti – NUS, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) – dan Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star) akan melatih syarikat bagi menggunakan sains data dan analitik dalam operasi mereka.

Menteri Perhubungan dan Penerangan, Dr Yaacob Ibrahim, telah mengumumkan pelancaran kedua inisiatif tersebut di majlis pembukaan Innovfest Unbound, festival inovasi anjuran NUS Enterprise dan Unbound dengan kerjasama Penguasa Pembangunan Infokom Media Singapura (IMDA).

Dalam ucapannya, beliau menekankan tiga tumpuan inisiatif itu buat masa ini – kewangan, penyelesaian pengurusan bandar dan kesihatan.

“AISG akan melakukan tiga perkara utama. Pertama, menangani masalah utama yang menjejaskan masyarakat dan industri.



TEKNOLOGI BERTAMBAH BARU: Dr Yaacob (*duduk*) mencuba aksesori realiti maya, Ambiotherm, yang memberikan simulasi suhu dan angin sementara pasukan NUS dan ketua pegawai eksekutif DBS, Encik Piyush Gupta (*dua dari kanan*), turut menyaksikannya. – Foto-foto THE STRAITS TIMES

“Kedua, melabur dalam keupayaan yang akan membolehkan kita menangkap gelombang inovasi sains seterusnya.

“Ketiga, mengembangkan inovasi AI agar ia diterima pakai oleh syarikat,” katanya.

AISG merupakan satu inisiatif rentas agensi pemerintah yang didorong oleh kerjasama antara enam agensi – NRF, Negara Bijak (Smart Nation), Pejabat Negara Bijak dan Pemerintah Digital (SNDGO), Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB), IMDA, SGInnovate dan Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu (IHIS).

Sementara itu, AISG juga bakal bekerja rapat dengan Konsortium Sains Data itu dalam penyelidikan AI untuk membangunkan inovasi AI yang lebih maju dengan menggunakan sains data yang disediakan.

Ini kerana satu cara membangunkan AI adalah bagi memberikannya data yang banyak supaya ia dapat mengenal pasti corak dan bentuk hubungan.



SEKILAS

Apa itu kecerdasan buatan atau 'artificial intelligence' (AI)?

Ia adalah bidang sains komputer yang menumpukan kepada rekaian mesin 'pintar' yang bekerja dan memberikan tindak balas seperti manusia.

Bagaimana ia direka?

Kejuruteraan pengetahuan merupakan bahagian penting dalam penyelidikan AI. Mesin hanya boleh bertindak dan bertindak balas seperti manusia hanya jika mereka mempunyai banyak maklumat berkaitan dunia. AI memerlukan akses kepada objek, kategori, sifat dan hubungan antara mereka untuk melaksanakan kejuruteraan pengetahuan.

Apa yang dapat AI lakukan?

Antara kegiatan yang dilakukan komputer yang mempunyai kecerdasan buatan termasuk pengenalan suara (*speech recognition*), pembelajaran, perancangan, dan menyelesaikan masalah.

INISIATIF AI BARU: Program nasional bagi membangunkan keupayaan kecerdasan buatan di Singapura dilancarkan semalam di InnovFest Unbound. InnovFest merupakan festival inovasi dan teknologi yang berlangsung selama seminggu.